

18/02/1998

Umno Perak panggil setiausaha, ketua penerangan

BOTA, Selasa - Semua ketua penerangan dan setiausaha Umno di peringkat bahagian di Perak akan diberi taklimat mengenai tindakan yang perlu diambil bagi memastikan perjalanan mesyuarat cawangan dan bahagian berjalan lancar.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pihaknya sudah mengarahkan Ketua Penerangan Umno Perak, Ramly Zahari mengadakan taklimat berkenaan.

"Taklimat itu akan diadakan dalam perjumpaan dengan pemimpin Umno bahagian terbabit, esok.

"Kami mahu memastikan perjalanan mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian Umno di negeri berjalan mengikut peraturan yang ditetapkan tanpa timbul masalah.

"Ia termasuk memastikan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mesyuarat berjalan dengan baik dipatuhi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Peningkatan Pengeluaran Makanan Peringkat Negeri, di sini, hari ini.

Ramli mengulas mengenai langkah yang diambil oleh Badan Perhubungan Umno negeri bagi memastikan mesyuarat cawangan dan bahagian parti berjalan lancar tanpa gangguan.

(END)